PERKEMBANGAN PADA SUKU PERTAMA 2016

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pertumbuhan global sederhana

Pada suku pertama 2016, ekonomi global berkembang dengan sederhana dalam keadaan ketidaktentuan pasaran kewangan yang ketara. Ekonomi maju terus mencatat peningkatan sederhana memandangkan kadar pertumbuhan terus dikekang akibat kesan buruk krisis, termasuk tahap hutang yang tinggi dan pasaran pekerjaan yang lembap. Di Asia, aktiviti ekonomi berkembang dengan lebih sederhana disebabkan sebahagiannya oleh eksport yang lemah. Berikutan perkembangan ini, beberapa ekonomi terus menggunakan lebih banyak rangsangan untuk menyokong pertumbuhan.

Keadaan kewangan global tidak menentu pada suku pertama, khususnya pada permulaan tahun 2016 disebabkan oleh gabungan beberapa faktor. Pelarasan yang tidak dijangka terhadap mata wang dan ekuiti di Republik Rakyat China (RR China) berikutan data ekonomi yang lebih lemah telah meningkatkan kebimbangan terhadap kekukuhan ekonomi RR China dan kesan limpahannya yang mungkin menular ke negara-negara lain. Tambahan pula, harga minyak mentah Brent yang jatuh ke paras terendah dalam tempoh 12 tahun (USD28 setong) turut menjejaskan sentimen pelabur. Di kawasan euro, pasaran kewangan terjejas oleh kebimbangan bahawa kadar faedah negatif yang diperkenalkan dan pertumbuhan global yang lemah akan mengurangkan kekukuhan sektor perbankan Eropah. Pelaksanaan dasar kadar faedah negatif oleh Bank of Japan juga telah menyumbang kepada pasaran menjadi lebih tidak menentu. Akibatnya, *spread* kredit menjadi lebih besar dan pasaran ekuiti merosot dalam pasaran kewangan utama dan serantau. Namun begitu, pasaran ekuiti ekonomi utama dan serantau meningkat pada separuh kedua suku tersebut lantas mengimbangi penyusutan terdahulu yang dialami oleh beberapa ekonomi. Keadaan yang bertambah baik ini disokong oleh kenaikan sederhana harga minyak dan kenyataan oleh pembuat dasar China berhubung dengan dasar yang lebih akomodatif dan kestabilan kadar pertukaran. Pengumuman oleh Federal Reserve mengenai pelarasan dasar monetari secara lebih beransur-ansur pada 16 Mac 2016, juga telah menyumbang kepada pemulihan sentimen pasaran. Susulan perkembangan ini, kebanyakan mata wang utama dan serantau menambah nilai berbanding dengan dolar AS pada akhir suku tersebut.

Harga minyak mentah Brent merosot kepada purata USD35 setong pada suku pertama 2016 (S4 2015: USD45 setong) disebabkan oleh bekalan yang berlebihan dan pertambahan inventori minyak secara berterusan. Pada bulan Januari, sentimen pasaran terjejas oleh keadaan bekalan berlebihan yang amat ketara dalam pasaran minyak berikutan penarikan balik sekatan antarabangsa terhadap Iran pada 16 Januari 2016. Ketidaktentuan pasaran kewangan di RR China juga merupakan faktor utama yang menyebabkan harga minyak mencecah paras terendahnya dalam tempoh 12 tahun, kepada USD28 setong pada 20 Januari 2016. Walau bagaimanapun, pasaran minyak pulih sedikit menjelang akhir suku pertama disebabkan oleh sentimen yang lebih baik berikutan laporan bahawa OPEC dan Rusia bersetuju untuk bertemu di Doha, Qatar pada 17 April 2016 bagi membincangkan rancangan untuk menetapkan tahap pengeluaran minyak. Di samping itu, jumlah pelantar minyak di AS terus berkurang dan laporan penangguhan pelaburan dan pengurangan pekerjaan dalam industri minyak shale AS telah meningkatkan jangkaan bahawa pengeluaran minyak AS yang lebih rendah boleh menyokong harga minyak dalam bulan-bulan yang akan datang. Harga minyak mentah Brent mencecah paras tertingginya dalam tempoh 4 bulan pada USD42 setong pada 22 Mac 2016, lantas mengakhiri suku tersebut pada USD40 setong.

Di AS, aktiviti ekonomi suku pertama mampan pada 2%, disokong oleh penggunaan swasta dan perbelanjaan kerajaan. Walau

bagaimanapun, pada asas tahunan terlaras secara bermusim, momentum pertumbuhan keseluruhan makin perlahan kepada 0.5% (S4 2015: 1.4%). Pertumbuhan didapati sederhana dalam semua komponen utama pertumbuhan kecuali perbelanjaan kerajaan. Walaupun penggunaan swasta masih merupakan penyumbang utama pertumbuhan, permintaan dikekang oleh pertumbuhan negatif barang-barang tahan lama disebabkan terutamanya oleh kenderaan bermotor dan peralatan kenderaan. Momentum pelaburan tetap yang lebih perlahan disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan modal yang lebih rendah dalam struktur dan kelengkapan. Eksport bersih merupakan faktor lebih utama yang mempunyai pengaruh negatif terhadap pertumbuhan memandangkan eksport mencatat pertumbuhan negatif selama dua suku berturut-turut (-2.6%) manakala import meningkat 0.2%. Pada suku pertama, inflasi keseluruhan semakin menghampiri sasaran 2.0% apabila meningkat sebanyak 1.1% (S4 2015: 0.5%). Ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan kos penjagaan kesihatan dan perkhidmatan pengangkutan.

Berdasarkan unjuran awalan, ekonomi di kawasan euro berkembang 1.6%. Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, pertumbuhan bertambah baik kepada 0.6% daripada 0.3% pada suku keempat 2015. Aktiviti ekonomi disokong oleh pertumbuhan penggunaan isi rumah dan pasaran pekerja yang beransur-ansur baik. Secara keseluruhan, sentimen perniagaan lebih lemah namun kekal positif, dengan PMI perkilangan menurun sedikit kepada 51.8 (S4 2015: 52.8). Dari segi luaran, eksport menguncup sedikit (purata Jan.–Feb. 2016: -0.4%; S4 2015: 3.4%), berikutan penghantaran bahan mentah dan keluaran perkilangan yang lebih rendah. Tekanan deflasi meningkat pada suku pertama apabila inflasi keseluruhan menjadi sifar (S4 2015: 0.2%), manakala inflasi teras kekal rendah pada 1.0% berikutan penyederhanaan merentas industri.

Ekonomi UK berkembang pada kadar mampan sebanyak 2.1% pada suku pertama. Sektor perkhidmatan terus menjadi penyumbang utama pertumbuhan, terutamanya subsektor perkhidmatan perniagaan dan kewangan. Keadaan pasaran pekerja terus menggalakkan memandangkan guna tenaga terus meningkat pada kadar yang kukuh, manakala kadar pengangguran kekal rendah. Inflasi keseluruhan naik sedikit kepada 0.3% (S4 2015: 0.1%) ekoran harga perumahan dan perbelanjaan isi rumah yang lebih tinggi.

Aktiviti ekonomi keseluruhan di Jepun terus lemah. Sentimen perniagaan makin lemah seperti ditunjukkan oleh indeks kaji selidik Tankan untuk pengilang besar (6%; S4 2015: 12%) manakala pengeluaran perindustrian merosot (-3.3%; S4 2015: -1.1%). Dari segi permintaan luaran, eksport terus menguncup disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan permintaan yang lebih rendah daripada kebanyakan rakan perdagangan utamanya. Namun, perbelanjaan pengguna bertambah baik sedikit susulan pertumbuhan positif 1.6% upah benar pada suku pertama selepas mencatat kemerosotan pada tahun 2015. Inflasi keseluruhan (tidak termasuk makanan segar) menurun sedikit kepada -0.1% (S4 2015: 0%), manakala inflasi teras (tidak termasuk makanan dan tenaga) masih pada 0.7%.

Ekonomi Maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2015			2016
	S1	S4	Tahun	S1
UK	2.6	2.1	2.3	2.1[p]
AS	2.9	2.0	2.4	2.0[a]
Kawasan euro	1.3	1.6[d]	1.6[d]	1.6[a]

[a] Anggaran awal
[p] Awalan
[d] Disemak

Sumber: Pihak berkuasa negara

Dasar monetari negara maju kekal amat akomodatif pada suku pertama, dengan kebanyakan bank pusat ekonomi maju meneruskan pelonggaran dasar monetari. European Central Bank (ECB) menurunkan kadar faedah bagi operasi pembiayaan semula utama dan kemudahan pinjaman marginal sebanyak 5 mata asas, masing-masing kepada

0.00% dan 0.25%. ECB juga terus menurunkan kadar deposit sebanyak 10 mata asas kepada -0.4% dan mula menambah pembelian asetnya sebanyak EUR20 bilion kepada EUR80 bilion sebulan di samping melanjutkan tempoh pembelian aset sekurang-kurangnya sehingga bulan Mac 2017. Satu siri empat pinjaman jangka panjang baharu yang disasarkan kepada bank (TLTRO II) turut diumumkan. Di samping itu, bermula bulan Jun 2016, ECB akan memulakan 'corporate sector purchase programme' (CSPP), sebagai menambah jenis aset yang dibeli di bawah program semasanya. Di bawah CSPP, ECB akan membeli bon bergred pelaburan dalam denominasi euro yang diterbitkan oleh perbadanan bukan bank kawasan euro. Langkah ini bertujuan untuk terus mempertingkat keberkesanan program pembelian asetnya.

Sementara itu, dalam satu langkah yang tidak diduga, Bank of Japan (BOJ) memperkenalkan "Quantitative and Qualitative Monetary Easing (QQE)" dengan Kadar Faedah Negatif (Negative Interest Rate) pada 29 Januari 2016. Yang penting, kadar faedah bagi deposit yang dipegang oleh institusi kewangan di BOJ dikurangkan daripada 0.1% kepada -0.1%. Swedish Riksbank dan Reserve Bank of New Zealand juga menurunkan kadar dasar utama mereka, masing-masing sebanyak 15 mata asas kepada -0.5% (kadar tunai rasmi), dan 25 mata asas kepada 2.25% (kadar repo utama). Dalam ekonomi maju yang lain, bank pusat di AS, Australia dan Kanada menegaskan komitmen mereka untuk mengekalkan keadaan monetari yang akomodatif dan tidak mengubah kadar dasar pada suku pertama. Khususnya, pada bulan Mac, Federal Reserve mengunjurkan kadar normalisasi secara lebih beransur-ansur, dengan anggaran kenaikan kadar faedah sebanyak 50 mata asas menjelang akhir tahun (Dis. 2015: 100 mata asas).

Ekonomi RR China meningkat lebih sederhana pada 6.7% pada suku pertama (S4 2015: 6.8%). Aktiviti ekonomi terus menerima kesan daripada penutupan operasi industri utama yang mempunyai kapasiti lebihan dan permintaan luaran yang lemah. Memandangkan terdapat risiko pertumbuhan yang lebih perlahan, Kerajaan RR China melaksanakan satu siri langkah dasar yang pelbagai, termasuk melonggarkan sekatan pembelian rumah dan pelaburan infrastruktur yang lebih tinggi. People's Bank of China (PBOC) turut melonggarkan dasar monetarinya melalui suntikan mudah tunai ke dalam pasaran antara bank dan pengurangan kadar keperluan rizab untuk menyokong keadaan mudah tunai. Sementara itu, inflasi meningkat kepada 2.1% (S4 2015: 1.5%) disebabkan oleh harga dalam subsektor makanan dan penjagaan kesihatan yang lebih tinggi.

Dalam beberapa ekonomi Asia lain, aktiviti ekonomi menjadi sederhana berikutan kelemahan yang berterusan dalam permintaan luaran. Di Indonesia, pertumbuhan adalah rendah sedikit pada 4.9% (S4 2015: 5.0%) disebabkan aktiviti pelaburan yang lebih sederhana. Ekonomi Korea mengembang pada kadar lebih perlahan sebanyak 2.7% (S4 2015: 3.1%), kerana pertumbuhan telah terjejas oleh penggunaan swasta, pelaburan dan eksport yang sederhana. Pertumbuhan di Singapura kekal sederhana pada 1.8% (S4 2015: 1.8%). Peningkatan aktiviti pembinaan telah diimbangi oleh pertumbuhan yang sederhana dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Sementara itu, pertumbuhan China Taipei mencatat penguncupan lebih ketara sebanyak 0.8% (S4 2015: -0.5%), memandangkan

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2015			2016
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
RR China	7.0	6.8	6.9	6.7
Indonesia	4.7	5.0	4.8	4.9
Korea	2.4	3.1	2.6	2.7[a]
Singapura	2.7	1.8	2.0	1.8[a]
China Taipei	4.0	-0.5	0.7	-0.8[a]

[a] Anggaran awal

Sumber: Pihak berkuasa negara

pelaburan dan eksport menurun pada kadar yang lebih pantas lantas mengimbangi aktiviti penggunaan swasta yang bertambah baik.

Inflasi meningkat dalam beberapa ekonomi Asia. Harga makanan naik pada kadar yang lebih pantas disebabkan oleh kekurangan bekalan akibat keadaan cuaca yang lebih sejuk dan permintaan bermusim yang lebih tinggi semasa tempoh perayaan Tahun Baharu Cina. Sementara itu, inflasi di China Taipei meningkat memandangkan kesan daripada pelan bayaran balik tarif elektrik yang dilaksanakan untuk isi rumah pada tahun 2015, telah luput. Ini seterusnya menyebabkan kenaikan kos utiliti. Walau bagaimanapun, Singapura dan Thailand masih dalam keadaan deflasi, mencerminkan terutamanya kos perumahan dan pengangkutan yang lebih rendah.

Dalam persekitaran ini, pendirian dasar monetari kekal akomodatif merentas ekonomi serantau, dengan beberapa bank pusat menurunkan kadar dasar utama mereka pada suku tersebut. Bank Indonesia menurunkan kadar dasar utamanya sebanyak 75 mata asas secara kumulatif daripada 7.50% kepada 6.75%. Ini bagi menyokong aktiviti ekonomi memandangkan tekanan inflasi dalam negeri telah reda. Pada bulan Mac, Central Bank of the Republic of China (Bank Pusat Taiwan) menurunkan kadar dasar utamanya sebanyak 12.5 mata asas kepada 1.50% daripada 1.625%, memandangkan pemulihan ekonomi yang sederhana menghadapi cabaran daripada persekitaran luaran. Bagi membendung spekulasi luar pesisir terhadap renminbi, PBOC mengurangkan mudah tunai renminbi luar pesisir dengan menetapkan nisbah keperluan rizab pada 17.5% bagi deposit renminbi luar pesisir bank.

Secara keseluruhan, risiko pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan terus meningkat. Kitaran dan struktur ekonomi yang lemah terus memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi utama, selain harga tenaga yang tidak menentu dan risiko geopolitik yang semakin meningkat. Meskipun ekonomi global diunjurkan bertambah baik pada masa akan datang, kadar pertumbuhan dijangka sederhana dan tidak sekata.
Di kebanyakan negara Asia, permintaan dalam negeri akan terus memacu pertumbuhan dengan sokongan dasar.